

RIMBA BERMISAI
Moustached Babbler

FAMILI: Timalidae
NAMA SAINTIFIK: *Malacopteron magnirostre*



CIRI-CIRI: Burung ini boleh dikenalpasti dengan bulu seakan-akan misai yang berwarna kelabu gelap, bahagian kiri dan kanan kepala yang berwarna kekelabuan dengan bahagian atas kepala yang berwarna coklat kehijauan yang sedikit gelap berbanding dengan bahagian belakang badan. Bahagian ekor pula berwarna agak kemerahan. Bahagian leher berwarna putih manakala bahagian dada berwarna coklat kekelabuan. Panjang keseluruhan bagi spesies ini adalah di antara 16.5 hingga 18 sm.

MAKANAN: Ia memakan serangga, invertebrata, buah-buahan kecil, biji-bijian, dan juga nektar.

HABITAT: Spesies ini mendiami hutan dipterokap tanah pamah hingga di ketinggian 900 m dari aras laut.

BUNYI: Ia mengeluarkan bunyi siulan dalam siri 3 hingga 6 nota yang tersusun dan sedap didengar *tii-tu-ti-tu* atau *ti-tiee-ti-ti-tu...*

PEMBIAKAN: Musim untuk membiak pula adalah dari bulan Februari hingga Jun dengan jumlah telur pada satu-satu sarang sebanyak 2 biji.

STATUS: Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.